

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI [LUMUT]

TARIKH : 28 SEPTEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

DATUK WIRA DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI [LUMUT] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah Kerajaan dalam menangani lambakan 'fresh grad' selain program PROTEGE yang sedia ada tidak menjamin jawatan tetap.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan melalui Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) terus memainkan peranan melalui mandatnya dalam aspek memperkasakan serta menambahbaik ekosistem takungan bakat negara.

TalentCorp progresif bertindak untuk terus menyokong agenda Kerajaan dalam usaha meningkatkan ketersediaan dan kebolehpasaran bakat melalui pemerksaan elemen kemahiran sendiri, kemahiran dan kompetensi selaras dengan keperluan pasaran pekerjaan semasa. Usaha ini dilaksanakan dengan kerjasama yang erat dan kolektif merentasi kementerian, industri dan pemegang taruh.

Usaha pemerksaan ekosistem bakat TalentCorp akan terus berfokus kepada pembangunan kebolehpasaran dan kebolehkerjaan bakat muda negara melalui inisiatif:

a. Nurturing EXpert Talent (MYNext):

MYNext adalah platform setempat solusi bakat bersepadu dan data analitis yang menggabungkan graduan, pekerja, syarikat dan institusi pendidikan, dengan fokus utamanya adalah untuk merapatkan jurang di antara penawaran bakat di Malaysia dengan pekerjaan masa hadapan (*future jobs*).

Sepanjang pelaksanaan MYNext bersama pemegang taruh dan institusi, 270 pegawai unit kerjaya/ kaunselor institusi pengajian tinggi awam dan swasta telah dilatih untuk program ini dan sehingga Ogos 2021, lebih 160,000 profil bakat telah mendaftar bersama inisiatif MYNext.

Seterusnya, MYNext turut akan diperkasa dengan elemen peningkatan kemahiran, modul kompetensi industri dan peningkatan skil sendiri dengan kolaborasi strategik bersama e-Latih yang dibangunkan oleh Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB).

b. Program Latihan Industri Berstruktur (*Structured Internship Programme - SIP*):

Selaras dengan aspirasi Kerajaan dalam aspek bakat sedia-industri, inisiatif SIP bertindak sebagai penggalak kepada penyertaan dan penglibatan syarikat dan industri untuk melatih bakat muda negara untuk membuka serta menawarkan lebih banyak peluang penempatan latihan industri berkualiti melalui insentif potongan cukai berganda.

Sejak dilaksanakan bermula tahun 2012, SIP telah memanfaatkan lebih 90,000 bakat graduan untuk menyempurnakan Latihan Industri secara lebih berstruktur bersama syarikat dan pemain industri tempatan.

c. **Young Employable Students (YES!):**

Sebagai langkah intervensi proaktif dengan penerapan elemen pendedahan aspek kebolehpasaran graduan negara melalui kerjasama rakan kolaborasi strategik dalam usaha meningkatkan ketersediaan bakat graduan sebelum melangkah ke pasaran pekerjaan dengan penerapan elemen kepimpinan, bimbingan kerjaya, bengkel *soft-skills* berkaitan kerjaya, keusahawanan dan pendedahan kepada perkembangan semasa pasaran pekerjaan.

#KisahSiswa merupakan satu inisiatif di bawah kerangka Young Employable Students (YES!) yang telah dilaksanakan secara bersama dengan Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pengajian Tinggi, Institusi Pengajian Tinggi Awam/Swasta dan rakan kolaborasi strategik TalentCorp.

Sejak pelaksanaannya bermula pertengahan Mei 2020 hingga September 2020, #KisahSiswa telah berjaya membantu lebih 1,500 bakat muda dengan keterlibatan lebih 100 jurulatih kerjaya secara sukarela.

d. **Kolaborasi Industri-Akademia (*Industry-Academia Collaboration - IAC*):**

Jalinan kerjasama industri untuk kebolehpasaran siswazah bagi memastikan bekalan modal insan berprestasi tinggi dan sedia untuk pasaran di Malaysia.

Sehingga Jun 2021, 20 institusi pengajian tinggi dengan keterlibatan lebih 50 industri dari pelbagai sektor ekonomi antaranya elektrik & elektrik, Global Business Services (GBS), Industri Kesihatan, Keretapi dan Minyak & Gas.

e. Scholarship Talent Attraction & Retention (STAR):

TalentCorp turut berkolaborasi bersama Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menerajui inisiatif Scholarship Talent Attraction & Retention (STAR) yang berperanan untuk memudahcara transisi graduan tajaan Kerajaan yang tidak berpeluang mendapat penempatan pekerjaan di sektor awam untuk menyempurnakan ikatan perjanjian biasiswa bersama syarikat dan pemain industri terkemuka Malaysia.

Sehingga Ogos 2021, lebih 7,000 graduan JPA telah diluluskan di bawah program STAR dan JPA untuk berkhidmat bersama syarikat berdaftar STAR dengan kerjasama lebih 3,000 majikan berdaftar dan terlibat memantau pelaksanaan inisiatif ini bagi pihak TalentCorp dan JPA.

Bagi pelaksanaan gerak kerja suku keempat 2021, TalentCorp akan berkolaborasi bersama Perbadanan Tabung Pendidikan Kemahiran (PTPK) untuk membantu 2,000 bakat dan tenaga kerja separa mahir di bawah program intervensi *Industry-Driven Career Acceleration Programme* (ID-TAP) dalam elemen peningkatan kompetensi dan kemahiran berteraskan permintaan industri melalui kerjasama strategik Pusat Pembangunan Kemahiran Negeri (PPKN).

TalentCorp juga telah diluluskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk memudahcara 105 bakat graduan di bawah program intervensi kebolehpasaran graduan Grad2Work, sebuah intervensi yang dibangunkan untuk melatih bakat dengan jaminan kerja dengan gaji permulaan setara kelayakan dalam bidang digital, teknologi maklumat dan industri 4.0.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK WILSON UGAK ANAK
KUMBONG [HULU RAJANG]**

TARIKH : 28 SEPTEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

DATUK WILSON UGAK ANAK KUMBONG minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan rancangan Kementerian untuk menaik taraf Klinik Kesihatan Sg. Asap dan Klinik Kesihatan Tubau, menyediakan tempat kuarantin di semua klinik-klinik Kerajaan, menyediakan makmal ujian PCR di semua klinik- klinik Kerajaan dan menambah bilangan Pegawai Epidemiologi di Sarawak .

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) tidak mempunyai perancangan untuk mewujudkan pusat kuarantin di Klinik-Klinik Kesihatan termasuklah di Klinik Kesihatan Sg. Asap dan Klinik Kesihatan Tubau kerana fungsi Klinik Kesihatan adalah sebagai tempat untuk memberikan rawatan pesakit luar kepada masyarakat setempat.
2. Berhubung penyediaan makmal ujian PCR di Klinik-Klinik Kesihatan KKM, terdapat sebanyak 341 buah Klinik Kesihatan KKM di seluruh negara yang menjalankan ujian COVID-19 menggunakan RTK Antigen, termasuklah 34 buah klinik kesihatan di Sarawak.
3. Ujian saringan COVID-19 di fasiliti kesihatan primer dapat dijalankan dengan RTK Ag menggunakan sampel *nasopharyngeal swab*

(NPS) atau *oropharyngeal swab* (OPS) atau air liur manakala keperluan ujian pengesahan ditampung oleh pusat saringan sekunder di hospital dan Makmal Kesihatan Awam. Bagi fasiliti yang jauh dikawasan pendalaman, pengesahan COVID-19 juga boleh dibuat menggunakan alat *Point of Care Testing* seperti Genexpert yang menawarkan ujian RT-PCR COVID-19.

4. Pada masa ini terdapat 25 perjawatan Pakar Perubatan Kesihatan Awam di negeri Sarawak yang memberikan perkhidmatan epidemiologi. Walau bagaimanapun, KKM telah menempatkan seramai 27 orang Pakar Perubatan Kesihatan Awam. Selain dari itu, terdapat tambahan 8 orang Pakar Perubatan Kesihatan Awam yang mengisi jawatan strategik di hospital dan Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak.

5. KKM juga merancang untuk menempatkan tambahan empat (4) Pegawai Perubatan pra-warta yang kini sedang menjalani tempoh pra-warta di negeri Sarawak dan bakal layak menjadi Pakar Perubatan Kesihatan Awam pada Januari 2022.

6. Di samping itu Universiti Malaysia Sarawak turut menghasilkan keluaran graduan Pakar Perubatan Kesihatan Awam di kalangan anak Sarawak. Diunjurkan seramai 10 orang setiap tahun berpeluang untuk berkhidmat di Sarawak di masa akan datang.

Sekian, terima kasih.